

## **Asyraf dihentam kaitkan 'syarikat Cina', Dr Mahathir dengan tambang ERL**

**Malaysian Insider**

**Dec 4, 2015**

**Oleh Anisah Shukry**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Asyraf Wajdi Dusuki dikritik dan dicemuh di media sosial hari ini apabila beliau mengaitkan sebuah "syarikat Cina" dan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamed dengan kenaikan tambang Express Rail Link (ERL).

Asyraf yang mengendalikan hal ehwal agama itu menulis dalam laman Facebooknya hari ini beliau mengesyaki ERL Sdn Bhd "mensabotaj" kerajaan dengan menaikkan kadar tambang kereta api itu, sambil menambah Dr Mahathir merupakan pemegang saham terbesarnya.

Katanya, umum mengetahui "syarikat China" tersebut mempunyai saham terbesar di ERL Sdn Bhd, dan menjana kekayaannya menerusi kontrak kerajaan sewaktu Dr Mahathir menjadi perdana menteri.

"Saya sudah suarakan pandangan rakan dan rakyat marhaen agar kementerian dan pimpinan tertinggi kerajaan campur tangan serta kaji semula kenaikan mendadak kos tambang pengangkutan awam terutamanya ERL yang amat membebankan pengguna.

"Semacam ada unsur sabotaj syarikat gergasi Cina yang diketahui umum mendapat segala kekayaan melalui kontrak kerajaan pada zaman Dr Mahathir yang memiliki saham majoriti terbesar ERL.

"Apakah syarikat seumpama ini sudah mati rasa hingga langsung tidak memikirkan kesengsaraan rakyat lantaran terlalu rakus mengejar keuntungan semaksimum mungkin hingga mengabaikan tanggungjawab sosial lebih besar," tulis Asyraf dalam Facebook beliau hari ini.

Pemegang saham ERL Sdn Bhd ialah YTL Corporation Berhad, Lembaga Tabung Haji, SIPP Rail Sdn Bhd dan Trisilco Equity Sdn Bhd dengan 45%, 36%, 10% dan 9% pegangan saham masing-masing, menurut laman webnya.

Bagaimanapun, pengguna Facebook secepat mungkin menepis dakwaannya itu, dengan hampir semua komen pada posting itu menunjukkan mereka tidak berminat dengan cubaan beliau mengaitkan isu kenaikan tambang itu dengan isu perkauman dan Dr Mahathir.

Ramai yang menggesa Asyraf menyatakannya syak wasangkanya dengan bukti, manakala sebahagian lagi berkata ERL tidak akan dapat menaikkan kadar tambang tanpa kelulusan kerajaan.

Sesetengah daripada mereka menegaskan kereta api ERL bukanlah satu-satunya

perkhidmatan pengangkutan awam yang mengalami kenaikan harga.

Ramai melahirkan rasa kecewa "ulama Islam" tersebut sanggup membuat kenyataan sedemikian dan memberi amaran kepada beliau ia fitnah.

"Tak payah sembang la Cina ke apa, tanggungjawab menteri buat kerja kurangkan beban rakyat..masa nak kuasa janji macam-macam," tulis Ahmad Ikram Mat Ghani.

Najmi Ishak pula berkata:"Sejak jadi senator, ayat Ashraf Wajdi sangat lain. Hilang respek. Kerajaan yang naikan lepas tu nak salahkan Cina.

"Kalau ya betul nak salahkan syarikat gergasi cina, tunjuk la flow macam mana aliran keuntungan tu, berapa percent gov dapat. Bagi la fakta. Company takkan naikkan kalau tak dapat approval dari gov. Makin hilang respek aku dgn Ashraf Wajdi ni..Please Dr. cukuplah.. Kalau takat ayat macam ni, ramai macai boleh tulis. Apa guna status Dr, kalau macam ni je nak tulis.."

Herman Hassan menulis:"Bagaimana seorang ilmunan agama boleh memberi pandangan sebegini dangkal? Apakah ERL itu pengangkutan awam utama kepada rakyat biasa berbanding LRT dan Komuter yang juga naik secara mendadak? Kaitkan pula dengan TDM..apa benda ni Datuk ?"

Hazzliff Ghazali menulis:"Terima kasih atas usaha Dr...tetapi saya amat terkilan dengan post Dr. Yang mengaitkan dengan kontrak Cina dan Tun..dan kalau betul minta Yang Berhormat Dr kemukakan segala bukti agar tiada berlaku kekhilafan dan fitnah/buruk sangka..terima kasih sekali lagi..teruskan usaha murni Dr."

Pada Selasa, ERL mengumumkan dari Januari dan seterusnya, tambang bagi perjalanan satu hala antara KL Sentral dan KLIA /klia2 akan meningkat RM20 kepada RM55.

Ia diputuskan selepas pengumuman kenaikan tol bagi Lebuhraya PLUS yang dirancang pada tahun depan. Pada tahun ini kadar tol bagi 12 lebuhraya mengalami kenaikan kadar.

Pada masa ini, perjalanan sehalu antara KL Sentral dan KLIA /klia2 adalah RM35. – 4 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/timbangan-menteri-dihentam-di-facebook-kaitkan-syarikat-cina-dr-mahathir-den>